



# TERMA DAN SYARAT

## Peraduan Teka Trivia! Bersama SEDA Malaysia

### 1. SEDA MALAYSIA

- 1.1. Peraduan Teka Trivia! Bersama SEDA Malaysia (“**Peraduan**”) dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia.

### 2. TEMPOH PERADUAN

- 2.1. Peraduan ini akan bermula pada **8 Mac 2025, jam 9:00 pagi** Waktu Malaysia (“**MYT**”) hingga **26 Mac 2025, jam 11:59 malam** MYT (“**Tempoh Peraduan**”). Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan dan dianggap tidak layak untuk dipertimbangkan sebagai pemenang Peraduan ini.
- 2.2. SEDA Malaysia berhak, secara mutlak, untuk mengubah, menangguh, menjadualkan semula dan/atau melanjutkan Tempoh Peraduan dan/atau membatalkan/menamatkan Peraduan pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu.

### 3. KELAYAKAN

- 3.1 Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang memiliki dokumen pengenalan diri yang sah dan berumur 18 tahun ke atas (“**Peserta**”) kecuali kakitangan SEDA Malaysia, termasuk ahli keluarga terdekat mereka, rakan niaga, syarikat bersekutu atau pihak lain yang terlibat dalam Peraduan ini.

### 4. KAEDAH PENYERTAAN

- 4.1 Peserta hendaklah mematuhi kaedah-kaedah penyertaan seperti berikut:
  - (a) mengikuti laman media sosial rasmi SEDA Malaysia iaitu di *Facebook @SustainableDevelopmentAuthorityMalaysiaSEDAMalaysia* atau di *Instagram @sedamalaysia* (“**Laman Media Sosial SEDA Malaysia**”);
  - (b) menyertai Peraduan dengan mengimbas kod QR bagi mengakses pautan borang *Google* yang akan dikongsikan di Laman Media Sosial SEDA Malaysia dalam Tempoh Peraduan;
  - (c) menjawab dan mengumpul enam (6) soalan trivia yang akan dimuat naik di Laman Media Sosial SEDA Malaysia dari semasa ke semasa dalam Tempoh Peraduan;
  - (d) mengemukakan semua jawapan bagi enam (6) soalan trivia di atas melalui pautan borang *Google* di kod QR yang dikongsikan selewat-lewatnya pada **26 Mac 2025, jam 11:59 malam**; dan

- (e) setiap jawapan yang diberikan hendaklah dalam Bahasa Malaysia sahaja. Jawapan yang diberikan dalam bahasa lain tidak akan dipertimbangkan oleh SEDA Malaysia.
- 4.2 Peserta dibenarkan untuk menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan tetapi hanya satu (1) penyertaan yang akan dipilih sebagai pemenang.

## 5. HADIAH PERADUAN

- 5.1 Hadiah yang ditawarkan bagi Peraduan ini adalah dalam bentuk wang tunai berjumlah RM100.00 sahaja bagi 10 orang pemenang (“Hadiah”).
- 5.2 Semua pemenang akan diumumkan sebelum atau pada **16 April 2025** melalui Laman Media Sosial SEDA Malaysia.
- 5.3 Semua pemenang akan dimaklumkan melalui “*Private Message*” atau “*Direct Message*” di Laman Media Sosial Rasmi SEDA Malaysia.
- 5.4 Semua pemenang dikehendaki mengemukakan semua butiran peribadi mereka kepada SEDA Malaysia dalam masa dua (2) hari dari tarikh pengumuman atau pemakluman pemenang Peraduan ini oleh SEDA Malaysia.
- 5.5 Jika terdapat pemenang yang gagal mengemukakan butiran peribadi yang dikehendaki oleh SEDA Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan di atas, SEDA Malaysia berhak untuk membatalkan nama pemenang tersebut dan memilih pemenang lain.
- 5.6 Hadiah yang dimenangi oleh Pemenang akan dipindahkan melalui perbankan internet ke dalam akaun bank yang didaftarkan atas nama Pemenang sahaja. SEDA Malaysia tidak akan mempertimbangkan sebarang permintaan untuk memindahkan Hadiah wang tunai ke dalam akaun bank selain daripada yang didaftarkan di atas nama pemenang. Tiada kaedah penghantaran atau penebusan hadiah lain akan disediakan atau dipertimbangkan oleh SEDA Malaysia. Pemenang hendaklah bertanggungjawab ke atas apa-apa caj yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika berkaitan.
- 5.7 Sekiranya terdapat lebih daripada 10 orang pemenang, hanya 10 orang Peserta terawal yang memberikan jawapan yang betul sahaja akan dipilih sebagai pemenang.
- 5.8 Sekiranya tiada pemenang atau kurang daripada 10 orang Peserta yang memberikan jawapan yang betul, hanya 10 orang Peserta yang mendapat markah tertinggi sahaja akan dipilih sebagai pemenang.
- 5.9 Semua keputusan yang dibuat oleh SEDA Malaysia adalah muktamad dan sebarang protes, pertanyaan, rayuan dan/atau surat-menyurat berhubung dengan perkara ini tidak akan dilayan.
- 5.10 SEDA Malaysia berhak, secara mutlak, untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barangan yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Pemberian barangan yang sama nilainya akan diberikan dalam ‘keadaan sedia ada’ dan ia tidak boleh dipindah milik, ditebus secara tunai atau ditukarkan dengan mana-mana produk atau perkhidmatan lain yang ditawarkan oleh SEDA Malaysia.

## **6. LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB**

- 6.1 Peserta adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Peraduan ini.
- 6.2 Sebarang kos yang dikeluarkan untuk menyertai Peraduan ini dan/atau menuntut Hadiah adalah di bawah tanggungjawab penuh Peserta atau Pemenang.
- 6.3 SEDA Malaysia juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang gangguan teknikal yang menghalang mana-mana individu daripada menyertai Peraduan ini.
- 6.4 SEDA Malaysia juga tidak menjamin dan/atau tidak menjanjikan sebarang keputusan tertentu daripada penyertaan Peraduan ini.

## **7. HAK SEDA MALAYSIA**

- 7.1 SEDA Malaysia berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat dalam Peraduan ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian tanpa notis terlebih dahulu. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan seperti mana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan terdahulu yang berkaitan dengannya.
- 7.2 SEDA Malaysia berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Peraduan ini dengan atau tanpa memberi notis terlebih dahulu dan/atau tanpa memberikan apa-apa sebab kepada mana-mana Peserta. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Peraduan ini oleh SEDA Malaysia tidak akan memberi hak kepada mana-mana Peserta untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap SEDA Malaysia ke atas apa-apa dan/atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
- 7.3 SEDA Malaysia tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya.
- 7.4 SEDA Malaysia berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati Peserta tidak layak dan/atau tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh SEDA Malaysia.
- 7.5 Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta dianggap telah membaca, memahami semua terma dan syarat Peraduan ini serta bersetuju sepenuhnya tanpa syarat untuk terikat dengannya (sama ada bila diubah atau berubah).
- 7.6 Terma dan syarat ini tertakluk di bawah dan ditafsirkan sesuai dengan undang-undang di Malaysia dan Peserta atau Pemenang bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah di Malaysia.

## **8. PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

- 8.1 Dengan menyertai Peraduan ini, setiap Peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan terma ini, dan dianggap telah memberi persetujuan secara nyata kepada SEDA Malaysia untuk mengumpul, mengguna, menyimpan, memproses atau mendedahkan, tanpa liabiliti, data peribadi Peserta untuk tujuan Peraduan ini.
- 8.2 Di samping itu, tanpa prejudis terhadap terma yang dinyatakan dalam perenggan 8.1 di atas, Peserta atau Pemenang bersetuju bahawa data dan maklumat peribadi mereka akan dikumpul, diproses dan digunakan oleh SEDA Malaysia bagi tujuan seperti berikut:
- (a) aktiviti pemasaran dan promosi dilakukan dengan cara yang difikirkan sesuai oleh SEDA Malaysia dalam mana-mana media, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk pengiklanan atau publisiti dan bahan seperti rakaman audio dan/atau visual yang disiarkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau dalam talian serta media digital dan di internet, tanpa persetujuan lanjut daripada Peserta;
  - (b) aktiviti pemasaran dan promosi, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan dan/atau penerbitan sebarang butiran yang disediakan dalam dan/atau berkaitan dengan penyertaan bagi Peraduan ini; dan
  - (c) acara-acara berkaitan Peraduan ini, aktiviti-aktiviti SEDA Malaysia dan cadangan penambahbaikan aktiviti-aktiviti SEDA Malaysia pada masa hadapan, publisiti SEDA Malaysia, tujuan penyelidikan dan analisis data oleh SEDA Malaysia.
- 8.3 Sehubungan itu, semua Peserta atau pemenang bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai, tanpa persetujuan nyata dan/atau pembayaran atau pertimbangan lanjut, semua aktiviti pengiklanan dan publisiti yang munasabah SEDA Malaysia berhubung dengan Peraduan ini.

## **9. PELEPASAN FACEBOOK DAN INSTAGRAM**

Peraduan ini tidak ditaja, disokong atau ditadbir oleh atau berkaitan dengan *Facebook* atau *Instagram*.